



BICARA EKSklusif

Omairi 'bongkar'
kisah Putrajaya



wajah muka 3
Inspirasi
Dr. Noor Zafifah



Peniaga harap ramai pengunjung datang selepas seminggu umat Islam jalani ibadah puasa

Cabaran Bazar Ramadan di Jalan Raja



PENIAGA berharap orang ramai berkunjung ke Bazar Ramadan di Jalan Raja, Kuala Lumpur yang lebih tersusun dan selesa. - Gambar hiasan

MESKIPUN lengang pada hari pertama pada 6 Mei lepas, para peniaga yakin perubahan tapak Bazar Ramadan dari Lorong Tuanku Abdul Rahman ke Jalan Raja, Kuala Lumpur pada tahun ini tidak akan menyebabkan pendapatan mereka terjejas teruk. Rata-rata peniaga di bazar berkenaan berharap jualan mereka bakal meningkat selepas seminggu berpuasa dan orang ramai mula membeli barangan keperluan untuk menyambut Aidilfitri.

Seorang peniaga, Syed Jamel Ahmad Shah, 52, berkata, pihaknya telah menjangka pada peringkat awal, pengunjung tidak ramai datang ke situ buat peringkat permulaan.

"Kita tidak boleh cakap apa-apa kerana tidak ada pengalaman di sini, pertama kali (di Jalan Raja). Dahulu di Masjid India memang okay, bertahun-tahun di situ memang okay walaupun Ramadan pertama," katanya.

BERITA PENJAH DI MUKA 2

Ibadah Zakat Pelengkap Ramadan

KAUNTER PPZ-MAIWP WAKTU URUSAN
DI BUKA SETIAP HARI 8.15 pg. - 4.30 ptg.
SEPANJANG RAMADAN

Bayaran boleh dibuat secara :
▶ Tunai ▶ Cek ▶ Kad Kredit Perbankan Islam ▶ Kad Debit / ATM

ZAKAT HARTA & ZAKAT FITRAH
boleh dibayar secara "online" di www.zakat.com.my

Dapatkan
Cenderahati
Istimewa



Bayar Zakat

di PPZ-MAIWP

anda dilindungi oleh
SKIM KAFALAH MUZAKKI

PPZ
Pusat Pengurusan Zakat

Pusat Pengurusan Zakat

1 800 88 5757
TOLAK DUA

Post mortem Bazar Ramadan dibuat lepas Aidilfitri

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan melakukan proses post mortem atau analisis berkaitan pelaksanaan Bazar Ramadan di Jalan Raja di sini tahun ini selepas Hari Raya Aidilfitri nanti.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan (gambar) berkata, langkah tersebut dilakukan bagi membolehkan pihaknya bersama persatuan peniaga mem-

buat penilaian menyeluruh tentang pelaksanaan Bazar Ramadan selepas lokasi tapak diubah dari Lorong Tunku Abdul Rahman dan Masjid India ke Jalan Raja bermula 6 Mei lalu.

"Post mortem akan dilakukan selepas raya. Kita cari penyelesaian yang terbaik supaya sama-sama dapat buat untuk tahun depan,



NOR HISHAM

sebab tempoh masa tahun depan lagi cepat, Ramadan dijangka pada 23 April," katanya ketika ditemui selepas Majlis Pelancaran Buku 'Dinamik 3 Dekad' di sini baru-baru ini.

Nor Hisham menegaskan bahawa pelaksanaan Bazar Ramadan di Jalan Raja adalah langkah baharu yang

dilaksanakan DBKL bertujuan untuk mengurangkan karenah birokrasi serta tindakan sesetengah individu yang cuba mengambil kesempatan serta keuntungan daripada peniaga atau penaja.

Jelas beliau, walaupun tidak mampu untuk menghapuskan keseluruhan gejala tersebut tetapi pihaknya berusaha untuk mengurangkan masalah berkenaan menerusi penyusunan semula

penaja dan peniaga bazar.

Malah ujan, tindakan tersebut dilaksanakan bersama-sama persatuan penaja dan peniaga Kuala Lumpur.

"Ini pertama kali sebab kita nak kurangkan masalah berlaku di Kuala Lumpur. Bila kita buat macam ini, ia dapat kurangkan rasa tidak puas hati. Sebelum ini ramai tidak puas hati dari segi tempat, harga, orang tengah dan sebagainya," ujarnya.

Peniaga Jalan Raja yakin jualan bakal meningkat lepas seminggu puasa Bazar Ramadan lebih luas, selesa

Oleh **NAZWIN NAZRI**
winwilayahku@gmail.com

KUALA LUMPUR - Para peniaga yakin perubahan tapak Bazar Ramadan ke Jalan Raja pada tahun ini tidak akan menyebabkan pendapatan mereka terjejas tenak.

Rata-rata peniaga di bazar berkenaan berharap jualan mereka bakal meningkat meskipun pada hari pertama pembukaan bazar Ramadan di tapak baharu itu menyaksikan kurang mendapatkan sambutan orang ramai.

Pada tahun ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membuka 344 tapak perniagaan dengan kanopi dilengkapi kipas angin dan menyediakan suasana yang lebih selesa untuk orang ramai membeli-belah.

Geral tersebut hanya dibenarkan menjual pakaian, aksesori dan makanan kering.

Keadaan yang legang di tapak bazar berkenaan pada hari pertama Ramadan disebabkan beberapa faktor seperti hari bekerja dan orang ramai lebih tertumpu ke bazar menjual juadah berbuka seperti di Jalan Raja Alang dan Kampung Baru.

Seorang peniaga di bazar berkenaan, Syed Jamel Ahmad Shah, 52, berkata, pihaknya telah menjangka pada peringkat awal, pengunjung tidak ramai datang ke situ.

"Kita tidak boleh cakap apa-apa kerana tidak ada pengalaman di sini, pertama kali (di Jalan Raja). Dahulu di Masjid India memang okay, bertahun-tahun di situ memang okay walaupun Ramadan pertama.

"Bukan banyak jualan tetapi orang ramai berkunjung. Ada yang tengok dan tanya tetapi di sini hari ini memang tidak ada tetapi saya rasa sambutan sini boleh juga," katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Walaupun tidak memperoleh sebarang hasil jualan sejak mula beroperasi pada pukul 12 tengah hari hingga 6 petang pada hari pertama Ramadan, Syed Jamel percaya dalam tempoh dua atau tiga hari lagi pengunjung akan datang membeli.

Ujarnya, faktor kurang pengunjung mungkin disebabkan orang ramai masih belum tahu kewujudan bazar Ramadan di Jalan Raja

selepas berpindah dari lokasi lama di Lorong Tuanku Abdul Rahman.

Dalam pada itu, dia juga berasa selesa dengan keadaan bazar baharu yang lebih besar berbanding lokasi lama yang tidak tersusun.

Seorang lagi peniaga, Mohd. Khazim Rahmat, 55, memberitahu, sambutan pengunjung bazar di Jalan Raja hanya dapat ditentukan selepas seminggu berpuasa.

Beliau yang berpengalaman hampir 30 tahun berniaga berkata, rata peniaga sibuk meninjau tapak niaga masing-masing pada hari pertama. Insya-Allah akan ada sambutan di sini kerana bazar di Masjid India ditutup.

Senada dengan peniaga yang lain, Nur Safidatul Ani Mat Nasir, 30, juga mengambil sikap positif dan meny-

fatkan pembaharuan yang dilakukan kerajaan bagi memberi keselesaan kepada peniaga dan pengunjung adalah langkah baik.

"Tempat lebih selesa dan tidak sempit. Untuk pengunjung saya rasa lokasi ini sudah bagus. Dari segi jualan, saya positif saja kerana perkara baharu. Dalam masa sama jika 'foodtruck' ada adalah lebih baik demi menarik lebih ramai pengunjung," katanya.

Sementara itu, seorang pengunjung, Siti Halimah Jalkana, 30, melahirkan rasa hampa kerana hasrat untuk membeli juadah berbuka di bazar Ramadan Jalan Raja tidak kesampaian selepas mendapati ia hanya menyediakan jualan pakaian sahaja.

"Saya datang sini menaiki Transit Aliran Massa (MRT) kerana hendak membeli makanan dan berbuka bersama rakan di sekitar Dataran Merdeka tetapi yang ada hanya pakaian," katanya.

Perkara sama turut dikongsi Mohd. Razizal Mohd. Radzi, 28, yang menjangka Bazar Ramadan Jalan Raja menjual juadah berbuka.

"Sebelum ini di Lorong TAR ada jual makanan," ujarnya.



SYED JAMEL



MOHD. KHAZIM



MOHD. RAHAIZAL

Pindah tapak ke Jalan Raja tingkat imej peniaga

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mahu imej peniaga yang sebelum ini beroperasi lorong belakang Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) dapat ditingkatkan dengan meletakkan mereka di tapak Bazar Ramadan di Jalan Raja pada Ramadan tahun ini.

Pengarah Jabatan Perancangan Korporat DBKL, Norhaslinda Nordin berkata, langkah itu akan menjadikan peniaga terbabit lebih dikenali dengan keterampilan yang lebih kemas serta bersih.

"Bazar berkenaan diadakan khusus untuk persiapan menyambut Aidilfitri dan barangan yang dijual merupakan pakaian, perhiasan diri dan aksesori rumah, makanan kering berbungkus serta peralatan kering. Tiada juadah berbuka serta aktiviti memasak disediakan.

"Ia merupakan inisiatif yang diambil DBKL bagi menonjolkan peniaga-peniaga di lorong belakang bangunan ke tahap yang lebih baik dengan meletakkan mereka di hadapan," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Norhaslinda menjelaskan, kekurangan pengunjung ke Bazar Ramadan Jalan Raja pada hari pertama Ramadan adalah fenomena biasa.

Katanya, bazar tersebut mula beroperasi dari pukul 10 pagi sehingga 10 malam sepanjang Ramadan dan kekurangan pengunjung pada sebelah pagi dan awal Ramadan merupakan perkara biasa setiap tahun.

Bagaimanapun katanya, keadaan tersebut akan berubah menjelang seminggu Ramadan.

Dalam pada itu, jelas beliau, langkah DBKL mengasingkan peniaga

makanan adalah bagi memberi peluang kepada penaja juadah berbuka puasa sedia ada di Lorong TAR untuk berniaga dengan lebih selesa.

Jelasnya, pengasingan akan memudahkan kawalan dari segi kebersihan dan mutu makanan yang disediakan.

Sementara itu, beliau memberi amaran tegas kepada peniaga yang berjaya dalam undian supaya memasuki tapak yang ditetapkan dalam tempoh tiga hari bermula 5 Mei lalu.

Tegasnya, kegagalan untuk memulakan perniagaan dalam tempoh itu akan menyebabkan tapak berkenaan ditarik balik dan nama peniaga terbabit disenarai hitam manakala wang cagaran RM1,000 tidak dikembalikan.

Katanya, tapak tersebut pula akan ditawarkan kepada peniaga lain yang layak.



KHEMAH yang besar disediakan untuk peniaga beroperasi dengan lebih selesa.

Ketabahan pesakit jadi inspirasi Noor Zafifah

Oleh **AZLAN ZAMBRY**
 azlanwilayahku@gmail.com
 Foto **NAZIRUL ROSELAN**

MINAT untuk membantu sesama insan yang disemai sejak kecil mendorongnya memilih kerjaya sebagai seorang doktor perubatan.

Bagi Dr. Noor Zafifah Zakaria, 36, yang merupakan doktor pakar di Jabatan Radioterapi dan Onkologi, Hospital Kuala Lumpur (HKL), bidang yang diceburi itu memberikan kepuasan kepada dirinya kerana dapat membantu pesakit dalam menjalani rawatan dan membantu mereka menikmati kualiti kehidupan seperti orang lain.

"Menjadi pakar perubatan kanser di HKL mendedahkan saya terhadap pesakit daripada pelbagai lapisan masyarakat yang perlu dibantu," katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Noor Zafifah berkata, bidang rawatan kanser tidak terhad kepada pemulihan pesakit malah menuntut seseorang doktor itu terlibat secara langsung dengan kehidupan pesakit di bawah jagaannya melibatkan aspek sosial, keluarga dan corak kehidupan mereka.

"Malah kadang-kadang ada pesakit yang mengalami masalah kewangan kerana kos rawatan yang mahal. Jadi doktor yang merawat perlu memikirkan kaedah perancangan kewangan supaya pesakit dapat meneruskan rawatan sehingga sembuh," katanya lagi.

Noor Zafifah yang sudah dua tahun bertugas sebagai pakar perubatan kanser berkata, bidang onkologi mempunyai keistimewaan tersendiri yang tidak terdapat pada disiplin perubatan yang lain antaranya seorang doktor perlu sentiasa bertemu dengan pesakit.

"Sekiranya seseorang pesakit dijangkiti kanser, mereka pasti akan datang untuk melakukan rawatan susulan. Sekiranya ada pesakit yang sudah didiagnosis menghidap kanser tahap tiga dan tahap empat, doktor akan merawat mereka sehinggalah ke nafas terakhir," katanya.

Jelannya lagi, doktor yang terlibat dalam bidang rawatan kanser akan sentiasa berhubung dan berbincang dengan pesakit mengenai kaedah rawatan dan pengambilan ubat-ubatan sehinggalah kepada detik terakhir seorang pesakit terbahit.

Siswazah perubatan daripada Universiti Malaya ini menjelaskan, ada juga pesakit kanser

yang sembuh namun masih perlu menjalani rawatan susulan.

"Kami sentiasa memantau keadaan pesakit supaya dapat mengambil langkah awal bagi menangani simptom-simptom kanser sekiranya merebak semula," katanya.

Menurut Noor Zafifah lagi, sejak menjadi pakar perubatan onkologi sejak dua tahun lalu, beliau telah merawat kira-kira 500 pesakit baharu.

"Antara pesakit yang tidak dilupakan adalah seorang wanita Melayu yang menghidap kanser paru-paru tahap empat. Bagi saya, wanita itu boleh dijadikan contoh kerana ahli



keluarga yang lain sentiasa memberi sokongan moral kepadanya.

Apa yang menarik, dia sentiasa positif dengan kehidupan sehingga saya terinspirasi dengan caranya melawan penyakit.

"Wanita itu dapat mengawal penyakit kansernya sehingga empat tahun walaupun kebiasaannya pesakit seperti ini hanya bertahan sehingga dua tahun," ceritanya.

Walaupun Noor Zafifah baru mengambil alih rawatan terhadap pesakit tersebut sejak setahun lalu, baginya wanita tersebut harus dicontohi kerana sentiasa bekerjasama dengan doktor demi mendapat rawatan untuk meneruskan kehidupan.

Ibu kepada seorang cahaya mata ini menasihati orang ramai agar sentiasa menjaga kesihatan dan mendapatkan rawatan sekiranya terdapat simptom-simptom kanser.

"Kanser tidak mengenal umur dan jantina, ada yang bernasib baik apabila mendapat tahu pada peringkat awal dan ada juga yang dapat tahu menghidap kanser pada tahap tiga dan empat di mana peluang sembuh semakin tipis.

"Jangan ambil ringan sekiranya terdapat tanda-tanda kanser dan peluang sembuh lebih tinggi jika dikesan dari awal," katanya.



DR. NOOR ZAFIFAH (kiri) menyantuni warga emas bagi membangkitkan kesedaran tentang penjagaan kesihatan.

Kita BERJAYA atas Doa dan berkat jasa Ibu & Ayah; Senyumkan Ibu & Ayah dengan Infaq Sedekah kita

INFAQ

Kita bina tahfiz untuk Ibu & Ayah
 Moga Ibu & Ayah dalam limpahan
 Kurnia dan Rahmat Allah S.W.T

TOLONG VIRAL bantu kami Bina Tahfiz



Beli tanah, bina bangunan tahfiz, & tadbir urusan pengajian tahfiz



Tahfiz Pra & Rendah



Tahfiz Menengah & Remaja



Pengajian Warga Emas

**Saluran INFAQ KASIH
 Sedekah IBU & AYAH**

Bank ATM & CDM

Infaq minima RM 10

BSN : 0820041000218603
 RHB : 25818700010180
 CIMB : 8603357750
 BIMB : 08095010009590
 RAKYAT : 110831002465

Online Internet Banking

Infaq minima RM 5



Billar Code: 83865
 Ref-1: Infaq Tahfiz YPEM

JomPAY online di Perbankan Internet dan Telefon Mudah Alih dengan akaun semasa atau simpanan



**Yayasan Pembangunan
 Ekonomi Malaysia (YPEM)**
 Membina Gerbang Pendidikan Tahfiz Modern

YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI MALAYSIA (YPEM)

Bina dan urus rangkaian Tahfiz Quran YPEM di Malaysia

Nota: Infaq adalah untuk membeli tanah, membina, dan membangunkan tahfiz, membantu pelajar tahfiz & menyediakan kuliah pengajian al-Quran warga emas.